



**SIARAN AKHBAR**

**VIDEO MENGENAI SKIM CEPAT KAYA  
DAN PENGGUNAAN MATAWANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati ada video dari luar negara, mempromosikan pelaburan berunsurkan skim cepat kaya dengan menggunakan matawang Negara Brunei Darussalam sebagai tarikan, yang tersebar melalui media sosial
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mudah terpedaya dengan mana-mana iklan skim pelaburan, dan terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada skim tersebut.
3. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapatkan melalui AMBD App; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>, yang mana *Alert List* juga telah diterbitkan. *Alert List* adalah senarai yang mengandungi senarai syarikat-syarikat dan laman web yang tidak mempunyai kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawalan AMBD atau menjalankan mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan samada ianya menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan
4. AMBD juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa di bawah Bab 21(1), Perintah Matawang, 2004, adalah kesalahan untuk menggunakan matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam sebarang iklan, tanpa kebenaran AMBD. Kesalahan ini boleh membawa kepada hukuman denda, atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.
5. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau melalui emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn)

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 15 Rejab 1438H / 13 April 2017M  
Rujukan : AMBD/COMMS/3